

## HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih "IKHLAS Fire Consequential Loss Takaful". Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini.)

**TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD  
(Ahli PIDM)**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

**IKHLAS FIRE CONSEQUENTIAL LOSS TAKAFUL**

Tarikh:

### 1) Apakah produk ini?

Produk ini memberi anda perlindungan dari kerugian keuntungan, pendapatan, kehilangan sewa, tanggungan tetap dan penambahan dalam kos kerja disebabkan gangguan perniagaan akibat dari kebakaran atau peril-peril lain.

### 2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Tabarru'** - bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukan ke dalam Dana Risiko Peserta.
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

**Nota:** Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

### 3) Apakah perlindungan-perlindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?

Sijil Takaful ini melindungi:

- kerugian Untung Kasar (perbezaan atas perlindungan dasar atau dasar tambahan);
- kerugian Pendapatan Kasar
- kerugian Sewa Kasar

Sebagai pertimbangan bagi bayaran Sumbangan Takaful tambahan, anda boleh menambah perlindungan Takaful anda untuk melindungi:

- halangan laluan;
- kemudahan awam;
- Pembekal;
- Pelanggan.

**Nota:** Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk keterangan lanjut mengenai syarat-syarat dan terma-terma spesifik yang berkaitan dengan manfaat yang dinyatakan di atas.

Tempoh perlindungan ialah selama satu (1) tahun. Dengan itu, anda dikehendaki membaharu Sijil Takaful anda setiap tahun.

**4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?**

Jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan pihak Syarikat:

- Perlindungan standard : RM\_\_\_\_\_ Sumbangan Takaful untuk Amaun Perlindungan RM\_\_\_\_\_
- Perlindungan tambahan : RM\_\_\_\_\_

Anggaran Sumbangan Takaful yang dikenakan adalah: RM\_\_\_\_\_

**Nota:** Kadar Sumbangan Takaful adalah berbeza bagi lain-lain perniagaan dan jenis bangunan. Sila rujuk melalui kami atau pengantara Takaful anda.

**5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?**

Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:

Bayaran yang perlu dijelaskan disamping jumlah Sumbangan Takaful:-

- Cukai yang digunakan tertakluk pada kadar semasa yang dikenakan
- Duti Setem : RM10.00

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful:-

- Yuran Wakalah -
  - ✓ Komisen : sehingga maksimum 15% dari Sumbangan Takaful
  - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : 40% dari Sumbangan Takaful

Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini :-

- Yuran Pembatalan : RM10.00

**6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?****Kewajipan Pendedahan**

- Menurut perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau apabila anda memohon untuk Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda.
- Kewajipan pendedahan di atas adalah berterusan sehingga kontrak Takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

**Waranti Sumbangan Takaful**

- Sumbangan Takaful kepada pihak Syarikat mestilah dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful ini atau Endorsmen / pembaharuan Sijil Takaful. Jika syarat ini tidak dipatuhi, Sijil Takaful ini akan terbatal secara otomatis dan pihak Syarikat memiliki hak terhadap Sumbangan Takaful pro-rata bagi tempoh dimana Syarikat menyediakan perlindungan.

### Jumlah untuk Dilindungi

- Anda harus memastikan kepentingan kewangan anda dilindungi pada jumlah yang berpatutan dengan mengambil kira prestasi perniagaan dan aliran pulangan semasa anda.
- Sekiranya jumlah kewangan yang dilindungi adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku, anda dianggap untuk bertanggungjawab terhadap perbezaannya dan hendaklah menanggung perkadarannya setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya.
- Ekses, sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami membayar balik kepada anda, adalah dikenakan untuk Peril tertentu, seperti tuntutan terhadap tangki air yang melimpah, angin ribut, gempa bumi dan banjir.

### Lebihan

- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh, mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.
- Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Setelah tamat tempoh Sijil Takaful, sekiranya jumlah yang perlu dibayar kepada Peserta Takaful kurang dari RM10, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful sebagai amalan baik. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan. Had tersebut tidak tertakluk jika Peserta Takaful memberikan maklumat perbankan mereka kepada pihak Syarikat.

### 7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful ini tidak bercadang untuk, dan tidak melindungi kerugian musibah yang digalakkan:

- (a) oleh peristiwa luar biasa yang berlaku semasa musibah itu;
- (b) dengan sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa terhadap pembinaan semula atau pengendalian perniagaan;
- (c) disebabkan oleh kurangannya modal Peserta Takaful untuk memulihkan atau mengganti harta yang musnah, rosak atau hilang

Sijil Takaful ini tidak melindungi kerugian yang disebabkan oleh atau berlaku melalui atau akibat daripada:

- (a) Pembakaran harta dengan perintah mana-mana Pihak Berkuasa awam;
- (b) Kebakaran bawah tanah;
- (c) Letupan kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Sijil Takaful;
- (d) Pembakaran, sama ada dipercepatkan atau tidak, hutan lalang, pampas atau belukar dan aktiviti pelupusan tanah menggunakan api;
- (e) Kerosakan kepada harta yang disebabkan oleh penapaian sendiri, pemanasan semula jadi atau pembakaran spontan atau melalui proses pemanasan atau pengeringan

Sijil Takaful ini tidak melindungi sebarang kerugian akibat kerosakan sama ada secara langsung atau tidak kepada:

- (a) Gempa bumi, letusan gunung berapi, taufan, angin puting beliung, siklon atau kemusnahan alam semula jadi atau gangguan atmosfera;
- (b) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau peperangan seperti operasi (sama ada perang diisyiharkan atau tidak), pemberontakan, rusuhan, kekecohan awam, pemberontakan, revolusi, konspirasi, kuasa tentera atau rampasan, pengepungan, atau mana-mana peristiwa atau sebab yang menentukan pengisytiharan atau penyelenggaraan undang-undang tentera atau keadaan pengepungan.
- (c) Kerugian atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau timbul daripada atau akibat atau disumbangkan oleh bahan senjata nuklear.

- (d) Kerugian atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau timbul daripada atau akibat daripada atau disumbangkan oleh radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktif dari mana-mana bahan api nuklear atau dari sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear.
- (e) Sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku terhadap harta yang dilindungi disebabkan oleh pelanggaran Undang-undang dan prinsip-prinsip Sivil atau Syariah oleh Peserta Takaful atau dengan cara lain daripada sebarang akibat yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.

**Nota:** *Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.*

**8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?**

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful untuk kadar pro rata bagi tempoh Sijil Takaful yang belum luput. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

**9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyerat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

**10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai IKHLAS Fire Consequential Loss Takaful, sila hubungi kami di:

**Takaful Ikhlas General Berhad**

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,  
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,  
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2723 9696

Faks: 03-2723 9998

Laman sesawang : [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

Emel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**11) Produk seumpama yang boleh didapati?**

- IKHLAS Fire Takaful (IND)

**Notis Perlindungan PIDM**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

**NOTA PENTING:**

**ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN HARTA ATAU KEPENTINGAN KEWANGAN ANDA DILINDUNG PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH TUNTUTAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

*Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/05/2024*